

D163

R B171 AAB

MAHATHIR - RASUAH

(EMBARGO: UNTUK DISIARKAN SELEPAS 6 PETANG INI)

=====

(I)

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN TERUS MEMERANGI RASUAH DAN MENYERU RAKYAT MEMBERI SOKONGAN MEREKA SEPENUHNYA SERTA JANGAN BERSIMPATI DENGAN MEREKA YANG MELAKUKAN RASUAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA SEDANG KERAJAAN TERUS BERAZAM UNTUK MENGEKALKAN PENTADBIRAN YANG BERSIH, RAKYAT PULA JANGANLAH MEMPUYAI SIKAP YANG BERUBAH-UBAH TERHADAP RASUAH.

DALAM WAWANCARA SEMPENA AKHIR TAHUN DENGAN EDITOR-EDITOR KANAN MEDIA TEMPATAN DI SINI, PERDANA MENTERI MENOLAK CAKAP-CAKAP KONONNYA BELIAU SUDAH +BERLEMBUT+ TERHADAP RASUAH.

+TETAPI SIKAP RAKYAT AGAK BERUBAH-UBAH MENGENAI PERKARA ITU. DI SATU PIHAK MEREKA BERKATA KITA HENDAKLAH MEMERANGI RASUAH TETAPI APABILA IA MELIBATKAN MEREKA SENDIRI ATAU SESEORANG YANG RAPAT DENGAN MEREKA ATAU KUMPULAN MEREKA, SEKONYONG-KONYONG MEREKA MERASA KITA TIDAK HARUS BERTINDAK TERLALU KERAS.+

+MEREKA SEOLAH-OLAH BERKATA... BERTINDAKLAH TERHADAP RASUAH SELAGI IA MELIBATKAN ORANG LAIN. TETAPI ORANG LAIN ITU PULA FIKIR TINDAKAN HENDAKLAH DIAMBIL TERHADAP ORANG LAIN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA DITUDUH MENGGUNAKAN +TEKANAN POLITIK+ APABILA IA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP SESETENGAH ORANG KERANA MELAKUKAN RASUAH. -- LAGI.

1817MST 28 12 89

D164

R B172 AAB

MAHATHIR - RASUAH 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA KERAJAAN TAHU RAMAI ORANG YANG MEMPUYAI BANYAK WANG YANG TIDAK DIKETAHUI BAGAIMANA DIPEROLEHINYA.

+TETAPI MEREKA SUDAH PUN BERKATA BAHAWA JIKA KITA BERTINDAK TERHADAP MEREKA, PASTILAH IA KERANA TEKANAN POLITIK,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA ADA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP ORANGNYA SENDIRI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SALAH SATU MASALAH UTAMA DALAM MEMBANTERAS RASUAH IALAH UNTUK MENDAPATKAN BUKTI YANG BOLEH DIGUNAKAN DI MAHKAMAH.

DALAM KES YANG MELIBATKAN KAKITANGAN AWAM, KERAJAAN KADANG-KALA MENDAPATI LEBIH MUDAH UNTUK MENGARAHKAN ORANG BERKENAAN SUPAYA MELETAK JAWATAN DARIPADA MENGHADAPKANNYA KE MAHKAMAH.

WALAUPUN TINDAKAN INI MUNGKIN TIDAK MENCUKUPI UNTUK MENEBUS BALIK JENAYAH YANG DILAKUKANNYA, TERUTAMA MEREKA YANG MELESAPKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT, IA LEBIH BAIK DARIPADA MEMBAWA MEREKA KE MAHKAMAH JIKA MEREKA AKAN DILEPASKAN KERANA KEKURANGAN BUKTI.

+KETIKA ITU KITA AKAN TERPAKSA MENGAMBIL MEREKA BEKERJA SEMULA. JADI APA GUNANYA? SAYA TAHU MEREKA MELESAPKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT TETAPI ITULAH SISTEM KERAJAAN YANG ADA.+

+KITA TIDAK BOLEH MEMBARISKAN MEREKA DI DEPAN TEMBOK LALU MENEMBAKNYA SEMATA-MATA KERANA ADA ORANG KATA MEREKA MELAKUKAN RASUAH.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK BERKUASA KE ATAS BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) WALAUPUN KADANG-KALA BELIAU LEBIH SUKA SEKIRANYA IA MENGELAK DARIPADA MEMBUAT KENYATAAN UMUM. -- BERNAMA.

1820MST 28 12 89